

# SOLUSI

Panduan  
Hidup  
Bersyariat

**113** MOTIVASI  
FARDU AIN

2018 • PP 15048/05/2013 (032162)

*"BOLEH JADI KAMU TIDAK SUKA KEPADA SESUATU, PADAHAL ITU TERBAIK UNTUKMU. BOLEH JADI KAMU MENYUKAI SESUATU, TETAPI IA TIDAK BAIK UNTUKMU. ALLAH MAHA MENGETAHUI APA YANG TIDAK KAMU KETAHUI."* (Surah al-Baqarah 2: 216)

**30**  
PESAN  
RETORIK  
NABI

## ANDAI JODOH TERHENTI



BONDA NOR  
FOKUS  
SYURGA  
30



AHMAD SHAMIL  
SHAHRIN  
TRIBULASI  
DAKWAH  
RASULULLAH 40



DR. NIDZAM  
ABDUL KADIR  
KEHARMONIAN  
ANTARA ILMU  
DENGAN TAUHID 66



Bercerai itu  
dibenci Allah? **12**

Sahkah Talak Dengan  
Whatsapp? **62**



RM10.00 (SEI)  
RM12.00 (S/S)  
SGD7.50  
BND7.50  
USD10.00  
EUR8.00  
IDR35,000.00  
A07.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.

## ZIKIR FIKIR

Yang Tulus & Lurus



### Azrul Azlan

Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis Indahnya Hidup Bersyariat terbitan Telaga Biru. Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com

# Andai Belum SAMPAI JODOH

“ Eh Salmah, engkau dah nak masuk 40 tahun tak kahwin lagi? Apa yang kau tunggu?”

Inilah antara dilema yang perlu dihadapi oleh mereka yang lambat bertemu jodoh. Bagi yang melalui sendiri ujian ini balaslah ‘cubitan-cubitan’ manja ini dengan senyuman dan kata-kata yang baik kepada mereka. Mungkin pada zahirnya kita kelihatan naif, tetapi hakikatnya itulah *saif* (pedang) yang menjadi harta untuk ‘dilaburkan’ sekarang dan kita hanya menuai hasilnya suatu hari nanti.

### HIKMAH TERSEMBUNYI

Jodoh merupakan antara rahsia Allah yang tidak mampu kita berikan jawapannya. Sudah tentu ada hikmah yang boleh dipelajari:

**1 Ujian untuk mengangkat darjat**  
Soalan-soalan sebegini tidak sekadar dilemparkan kepada empunya diri,

tetapi juga kepada ibu bapa mereka. Bukan mereka tidak pernah berusaha untuk menemukan jodoh kepada anak-anak. Juga bukan mereka tidak berdoa dan bermunajat kepada Allah agar dikurniakan jodoh kepada anak sendiri, tetapi itulah rahsia Allah yang perlu dilihat dari sudut yang positif.

Jika ujian dilalui dengan sabar dan reda, Allah akan memberikan nikmat dari jalan yang tidak disangka-sangka. Selain itu Allah mengurniakan pahala bersesuaian dengan besarnya ujian dan dugaan yang diberikan. Jika sabar pilihannya, pasti besar ganjarannya di sisi Allah.

**2 Peluang untuk memperbaiki diri**  
Perkahwinan menggabungkan dua jiwa yang berbeza menjadi satu. Hal ini kerana jodoh ibarat cermin. Jodoh kita, cerminan peribadi kita, sepertimana yang dijelaskan oleh Allah, maksudnya: “(Lazimnya) perempuan yang jahat adalah untuk lelaki yang jahat, dan lelaki yang jahat adalah untuk perempuan yang jahat.

Dan (sebaliknya) perempuan yang baik untuk lelaki yang baik dan lelaki yang baik adalah untuk perempuan yang baik. Mereka (yang baik) itu bersih daripada (tuduhan buruk) yang dikatakan oleh orang (yang jahat). Mereka akan beroleh pengampunan dan pengurniaan yang mulia.” (*Surah al-Nur 24: 26*)

Jika pada usia yang semakin lanjut, kita masih belum dipertemukan dengan jodoh, cubalah muhasabah diri. Mungkin kita masih jauh daripada Tuhan. Lalu Allah berikan peluang untuk kita memperbaiki diri sebelum diberikan jodoh yang terbaik.

### 3 Peluang membahagiakan yang tersayang

Mungkin ada ibu bapa atau adik-beradik yang masih memerlukan bantuan kerana kita masih belum mempunyai komitmen sebagai seorang suami atau isteri. Setelah berkahwin, pasti tumpuan utama yang perlu diberikan adalah kepada isteri atau suami dan anak-anak.



**Jika pada usia yang semakin lanjut, kita masih belum dipertemukan dengan jodoh, cubalah muhasabah diri. Mungkin kita masih jauh daripada Tuhan. Lalu Allah berikan peluang untuk kita memperbaiki diri sebelum diberikan jodoh yang terbaik.**

Oleh itu, bersangka baiklah kepada Allah. Dia bukan menzalimi kita, sebaliknya Dia sedang memberi peluang untuk kita berbakti kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga. Inilah masanya untuk kita menambah saham akhirat.

#### **4 Keputusan Allah terbaik**

Belum dipertemukan jodoh mungkin menjadi satu perkara yang amat memeritkan. Namun sedarkah kita keputusan Allah itu sentiasa terbaik? Firman Allah, maksudnya:

“Boleh jadi kamu tidak suka kepada sesuatu, padahal itu terbaik untukmu. Boleh jadi kamu menyukai sesuatu, tetapi ia tidak baik untukmu. Allah Maha Mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.” (Surah al-Baqarah 2: 216)

Ayat ini mempunyai hubungan yang sangat erat dengan salah satu rukun iman iaitu beriman kepada qadad dan qadar.

#### **5 Tanda Allah sayang**

Kita perlu sedar bahawa cara Allah memberikan kasih sayang-Nya adalah dengan menimpakan musibah dan ujian kepada hamba-hamba-Nya dengan tujuan untuk membawa mereka menuju kesempurnaan diri dan kesempurnaan nikmat-Nya. Termasuk kasih sayang-Nya yang agung adalah menjadikan kehidupan manusia bergantung secara total kepada-Nya.

Apa lagi yang boleh kita lakukan sebagai hamba selain reda atas keyakinan bahawa Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

#### **6 Indikasi masih belum bersedia**

Mungkin kita sudah memiliki pasangan untuk berkahwin, tetapi hakikatnya kita masih belum bersedia untuk memikul satu tanggungjawab yang berat. Oleh itu perlu ada keyakinan bahawa kita sebenarnya masih belum bersedia untuk menerima kehadiran pasangan. Jika tiada persediaan, rumah tangga yang dibina akan menjadi goyah.

#### **BAGAIMANA BERTINDAK?**

Setelah kita memahami hikmah di sebalik jodoh yang lambat, tindakan seterusnya adalah:

#### **1 Jangan malu kerana itu ialah takdir**

Ketika berhadapan dengan situasi ini, usah malu kerana hakikatnya kita tidak melakukan dosa. Menerima musibah sebagai takdir akan menjadikan diri kita lebih tenang dan tidak berputus asa untuk terus berusaha.

#### **2 Bersangka baik dengan Allah**

Antara *solusi* untuk menghilangkan tekanan dalam situasi sebegini adalah bersangka baik dengan Allah. Ya, tetapkan keyakinan kepada Allah. Pasti ada kebaikan yang Allah ingin berikan kepada kita.

#### **3 Berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran**

Berdampinglah dengan orang yang hampir dengan kita dan boleh dipercayai. Namun apa yang lebih indah adalah sekiranya kita dapat berdamping dengan orang soleh. Moga-moga dengan kehadiran mereka akan menjadikan diri lebih kuat apabila diberikan pesanan kebenaran dan kesabaran.

Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: “Ajaib sekali keadaan orang beriman. Semua urusannya baik, tidak berlaku sedemikian kecuali bagi orang Mukmin. Jika mendapat nikmat, mereka bersyukur, maka syukur itu baik bagi mereka. Jika ditimpa kesusahan, mereka bersabar, maka sabar itu baik bagi mereka.” (Riwayat Muslim)

#### **4 Menjauhi perkataan ‘kalau’**

Imam al-Nawawi melalui kitabnya merakamkan sebuah hadis yang berbicara tentang cara berinteraksi dengan musibah. Sabda Nabi, maksudnya: “Bersangatlah untuk mengerjakan apa yang bermanfaat bagimu serta mohonlah pertolongan kepada Allah dan jangan kamu lemah.

Jika kamu ditimpa sesuatu, janganlah mengatakan: ‘Kalau aku melakukan demikian, tentu hasilnya akan demikian dan demikian.’ Tetapi katakanlah: ‘Ini sudah ketentuan Allah berdasarkan apa yang Dia kehendaki, lalu Dia akan lakukan.’ Kerana kata ‘kalau’ akan membuka jalan bagi syaitan.” (Riwayat Muslim)

#### **5 Meyakini bahawa cukuplah Allah baginya**

Ketika kita merasakan tiada cahaya dalam lorong kehidupan yang sedang dilalui, percayalah bahawa Allah sentiasa bersama hamba yang beriman.

Imam al-Nawawi ketika berbicara tentang isu ini memetik sabda Nabi, maksudnya: “Sesungguhnya Allah mencela kelemahan. Kamu harus terus berusaha. Apabila ditimpa sesuatu yang tidak disukai, ucapkanlah: ‘Cukuplah Allah bagiku dan Dia ialah sebaik-baik penolong.’” (Riwayat Abu Dawud)

14

30 PESAN RETORIK NABI

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ  
لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ  
وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا  
وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ

**“ORANG BIJAK IALAH ORANG YANG MENKRITIK DIRINYA DAN BERAMAL UNTUK KEHIDUPAN SELEPAS MATI, SEMENTARA ORANG BODOH IALAH ORANG MENURUT NAFSUNYA SAMBIL BERANGAN-ANGAN TERHADAP ALLAH.”**

(RIWAYAT AL-TIRMIZI)